NAMA : **KELAS :**

1. Jadual (b) menunjukkan taburan markah, dalam peratus, bagi 30 orang murid dalam satu ujian. **TP4**

(a) Hitung nilai x.

[2 Markah]

(b) Lengkapkan jadual di bawah

[1 Markah]

Markah (%)	Bilangan murid	Sempadan atas	Titik tengah
30 – 39	6		
40 – 49	7		
50 – 59	8		
60 – 69	x		
70 – 79	4		

(c) Menggunakan skala 2 cm kepada 10 markah pada paksi mengufuk dan 2 cm kepada seorang murid pada paksi mencangcang, lukis **HISTOGRAM** bagi jadual di atas. ***.[GUNAKAN KERTAS GRAF. *DI KERTAS GRAF TULIS NO.6]***

[4 Markah]

(d) Seterusnya, nyatakan bentuk taburan histogram bagi data tersebut.

[1 Markah]

LIVEWORKSHEETS

2. **Jadual (b)** menunjukkan taburan tinggi, dalam cm, bagi 18 orang peserta lompat tinggi.

(a) Diberi nisbah bilangan peserta dengan ketinggian antara 161 – 170 kepada peserta selebih-lebihnya 150 cm ialah 3 : 2, hitung nilai x dan nilai y.

[4 Markah]

X = **Y =**

(b) Lengkapkan jadual di bawah

[1 Markah]

Tinggi (cm)	Bilangan murid	Titik tengah
131 – 140	1	
141 – 150	5	
151 – 160	2	
161 – 170	x	
171 – 180	y	

(c) Menggunakan skala 2 m kepada 10 cm pada paksi mengufuk dan 2 cm kepada seorang murid pada paksi mencancang, lukis **histogram** bagi jadual di atas.***[GUNAKAN KERTAS GRAF. DI KERTAS GRAF TULIS NO.7]***

[4 Markah]

(d) Seterusnya, nyatakan bentuk taburan histogram bagi data tersebut.

[1 Markah]

(e) Pada histogram, di (c), lukis poligon kekerapan.

[1 Markah]

LIVEWORKSHEETS

3. Jadual (b) menunjukkan taburan jisim, dalam kg, bagi 40 biji buah tembikai.

(a) Hitung nilai x.

[2 Markah]

(b) Lengkapkan jadual di bawah

[1 Markah]

Jisim (kg)	Bilangan	Titik tengah
0.6 – 1.0	**10**	
1.1 – 1.5	**6**	
1.6 – 2.0	***x***	
2.1 – 2.5	**4**	
2.6 – 3.0	**6**	
3.1 – 3.5	**9**	

(c) Menggunakan skala 2 m kepada 0.5 kg pada paksi mengufuk dan 2 cm kepada sebiji buah tembikai pada paksi mencancang, lukis **GRAF POLIGON KEKERAPAN** bagi jadual di atas. ***.[GUNAKAN KERTAS GRAF. DI KERTAS GRAF TULIS NO.8]***

[4 Markah]

(d) Seterusnya, nyatakan bentuk taburan bagi data tersebut.

[1 Markah]

LIVEWORKSHEETS